



## PERPUN / Majlis Ketua-Ketua Pustakawan IPTA



“...dilihat sebagai kerjasama strategik Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara dalam memartabatkan profesion kepustakawanan.”

Penganjuran Mesyuarat PERPUN dan Majlis Ketua-Ketua Pustakawan IPTA Seluruh Malaysia pada 18 Oktober 2010 telah membuktikan kesungguhan dan kewibawaan Pusat sebagai salah sebuah perpustakaan yang disegani di rantau ini. Sementara Majlis Ketua Pustakawan IPTA merupakan kerjasama pintar dikalangan semua perpustakaan IPTA. PERPUN merupakan forum kerjasama di kalangan Ketua-Ketua Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai pengwujudan rangkaian perpustakaan elektronik, perkongsian sumber ilmu dan perkhidmatan maklumat terkini secara elektronik antara perpustakaan di Malaysia. Ia dilihat sebagai kerjasama strategik dikalangan semua ahli dalam memartabatkan profesion kepustakawanan.

Di antara projek yang telah dilaksanakan adalah pangkalan data tesis atas talian (MYTO) dan pangkalan data langganan serial (MYULIS). Semua projek ini boleh diakses melalui Portal PERPUN [www.perpun.edu.my](http://www.perpun.edu.my)

